

19/12/1998

Kuasa besar jangan seksa rakyat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kuasa besar supaya tidak menyeksa rakyat Malaysia walaupun mereka tidak suka kepada kepemimpinan negara ini.

Menurut Perdana Menteri, memang sikap negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, cuba menggunakan pengaruh dan kuasa menggulingkan pemerintahan negara lain jika tidak menggemari pemimpin negara berkenaan.

Sambil menyifatkan negara yang mahu menjajah semula negara lain itu sebagai bangsa yang cukup biadab, Dr Mahathir memberikan contoh apa yang berlaku di Iraq yang mana beribu-ribu kanak-kanak tidak cukup ubat dan mati berikutan tekanan oleh kuasa asing.

"Kita tidak dapat menerima tekanan seumpama itu selepas Iraq diserang kerana mencero boh. Kenapa nak bunuh kanak-kanak? Kalau tak suka Saddam Hussein, pergilah cari Saddam Hussein.

"Kalau tak suka saya, jangan seksa rakyat Malaysia. Di Indonesia, jatuhkan Suharto. Di Malaysia, hasut rakyat jatuhkan kerajaan," katanya ketika berucap kepada lebih 2,000 ketua-ketua rancangan Felda dari seluruh negara di sini, hari ini.

Dr Mahathir mahu seluruh rakyat bersatu padu dan menentang sebarang bentuk penjajahan yang cuba dilakukan pihak asing.

"Kita mesti faham bahawa orang asing mempunyai niat untuk menjajah semula negara ini. Kita mesti bersatu padu. Perselisihan antara kita satu perkara lain tetapi untuk tentang penjajah kita mesti bersatu padu," katanya yang turut menyentuh mengenai nasib beberapa negara Islam lain yang menghadapi masalah akibat tekanan Amerika Syarikat.

Beliau mengingatkan umat Islam di negara ini terus berpegang kuat kepada ajaran agama dan mengamalkannya bersungguh-sungguh.

Perdana Menteri juga meminta rakyat Malaysia bersyukur kerana bernasib baik menikmati kehidupan yang aman dan makmur.

Katanya, seluruh rakyat harus memastikan negara terus aman dan stabil bagi membolehkan usaha pemulihan ekonomi dijalankan dengan baik dan berkesan.

"Kita harus bersyukur dengan segala yang ada dan kita patut ingat negara kita ini aman dan mempunyai tanah yang subur," katanya.

Rakyat Malaysia, katanya, harus sedar usaha asing yang ingin menjajah semula negara ini dengan memiskinkan negara dengan menekan ekonomi dan menjatuhkan nilai ringgit.

Beliau mengimbas kembali keperitan zaman penjajah dan mengingatkan rakyat jika kuasa asing menjajah semula negara ini, kekayaan negara akan dikaut semula tanpa memikirkan untuk mengembalikannya demi kebaikan kemajuan negara.

Menurutnya, sejak kemerdekaan dicapai, kerajaan berusaha untuk mengembalikan kekayaan negara kepada rakyat dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan meningkatkan taraf kehidupan.

Apabila kegawatan ekonomi timbul, kerajaan turut tertekan tetapi berusaha bersungguh-sungguh menangani masalah ekonomi dengan mewujudkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan melaksanakan pelbagai langkah pemulihan.

"Saya berharap di waktu kegawatan ekonomi ini, negara kita terus aman dan tidak ada banyak masalah," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga bernasib baik kerana pekerja negara ini tidak melancarkan mogok. Walaupun harga barang keperluan naik, ia tidak

begitu tinggi dan masih terkawal.

Dr Mahathir berkata, adalah malang ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi, pada masa yang sama juga berlaku masalah politik.

"Saya tidak pilih kegawatan politik ketika kita hadapi kegawatan ekonomi. Saya tiada pilihan. Saya perlu bertanggungjawab pastikan orang yang akan memimpin adalah lebih baik, berbudi pekerti, jujur dan lurus," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau mendapati bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak layak untuk terus memimpin negara dan terpaksa memberhentikannya.

"Pemecatan Anwar tidak dapat diterima segelintir pihak dan telah menyebabkan rusuhan berlaku di negara ini serta menuduh kerajaan tidak adil.

"Dia buat rusuhan dan dia nampaknya dibantu orang asing seperti Amerika sehingga campur tangan dalam urusan rumah tangga kita.

"Amerika memang tidak suka saya jadi Perdana Menteri Malaysia, jadi apabila khidmat Timbalan Perdana Menteri (Anwar) ditamatkan, ia marah sangat sehingga sanggup datang dan menyokong supaya kerajaan dijatuhkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan boleh ditukar tetapi perubahan itu perlu ditentukan oleh rakyat Malaysia menerusi pilihan raya.

(END)